



TEKS UCAPAN

**YAB MENTERI BESAR
NEGERI SEMBILAN**

SEMPENA

**PERSIDANGAN KETIGA (BELANJAWAN)
PENGGAL KEDUA DEWAN UNDANGAN NEGERI YANG KE-15**

**DI
DEWAN UNDANGAN NEGERI
NEGERI SEMBILAN DARUL KHUSUS**

**PADA
22 NOVEMBER 2024 | JUMAAT**

Bismillahirrahmanirrahim,

Yang Berhormat Dato' Yang DiPertua, sebelum saya mencadangkan supaya Rang Undang-Undang ini dibacakan bagi kali yang kedua.

A. MUKADIMAH

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ
رَبِّ اشْرَحْ لِي صَدْرِي وَيَسِّرْ لِي أَمْرِي
وَاحْلُّ عُقْدَةً مِنْ لِسَانِي يُفْقَهُوا قَوْلِي

إِنَّ الْحَمْدَ لِلَّهِ نَحْمَدُهُ وَنَسْتَعِينُهُ وَنَسْتَغْفِرُهُ، وَنَعُوذُ بِاللَّهِ مِنْ شُرُورِ أَنفُسِنَا
وَمِنْ سَيِّئَاتِ أَعْمَالِنَا، مَنْ يَهْدِهِ اللَّهُ فَلَا مُضِلٌّ لَهُ، وَمَنْ يُضْلِلُ فَلَا هَادِي
لَهُ، وَأَشْهُدُ أَنَّ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهُدُ أَنَّ مُحَمَّداً عَبْدُهُ
وَرَسُولُهُ

اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ مُحَمَّدٍ كَمَا صَلَّيْتَ عَلَى إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى
آلِ إِبْرَاهِيمَ، وَبَارِكْ عَلَى مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ مُحَمَّدٍ كَمَا بَارَكْتَ عَلَى
إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ إِبْرَاهِيمَ فِي الْعَالَمِينَ إِنَّكَ حَمِيدٌ مَجِيدٌ

Firman Allah dalam Surah Ibrahim ayat 7:

أَعُوذُ بِاللّٰهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ
وَإِذْ تَأْذَنَ رَبُّكُمْ لَئِنْ شَكَرْتُمْ لَأَزِيدَنَّكُمْ وَلَئِنْ كَفَرْتُمْ إِنَّ عَذَابِي لَشَدِيدٌ

Ertinya:

"Sesungguhnya jika kamu bersyukur, pasti Kami akan menambah (nikmat) kepadamu, dan jika kamu mengingkari (nikmat-Ku), maka sesungguhnya azab-Ku sangat pedih".

1. Alhamdulillah, marilah kita sama-sama memanjatkan syukur ke hadrat Allah swt atas segala kurniaan-Nya yang tidak terhitung banyaknya kepada Negeri Sembilan yang tercinta ini. Walaupun saiz negerinya kecil, namun Allah cucurkan Rahmat-Nya yang amat luas dengan keindahan alam semulajadinya yang memukau, rimbunan hutan yang menghijau, hamparan pantai yang indah, khazanah hasil mahsul yang tidak ternisbah, disulam pula dengan adat budaya warisan turun temurun. Seyogialah kita sebagai pemegang amanah dan pewaris khazanah ini, mengurus, mentadbir, memelihara, membentengi dan memakmurkan Negeri ini dengan segala daya yang ada, supaya kemakmuran ini akan terus dapat dikecapi oleh generasi kita yang akan datang.

2. Firman Allah dalam Surah Al-Ahzab, Ayat 72:

إِنَّا عَرَضْنَا الْأَمَانَةَ عَلَى السَّمَوَاتِ وَالْأَرْضِ وَالْجِبَالِ فَأَبَيَّنَ أَن يَحْمِلُنَّهَا
وَأَشْفَقُنَّ مِنْهَا وَحَمَلَهَا الْإِنْسُنُ إِنَّهُ كَانَ ظُلُومًا جَهُولًا

Ertinya:

“Sesungguhnya Kami telah kemukakan tanggungjawab amanah (Kami) kepada langit dan bumi serta gunung-ganang (untuk memikulnya), maka mereka enggan memikulnya dan bimbang tidak dapat menyempurnakannya (kerana tidak ada pada mereka persediaan untuk memikulnya); dan (pada ketika itu) manusia (dengan persediaan yang ada padanya) sanggup memikulnya. (Ingatlah) sesungguhnya tabiat kebanyakan manusia adalah suka melakukan kezaliman dan suka pula membuat perkara-perkara yang tidak patut dikerjakan.”

B. PENDAHULUAN

SENARIO EKONOMI NEGARA

3. Semasa pembentangan **Belanjawan MADANI Ketiga 2025** pada 18 Oktober 2024 yang lalu, YAB Perdana Menteri telah melaporkan **pertumbuhan ekonomi Negara pada suku kedua 2024 adalah sebanyak 5.9 peratus** berbanding 4.4 peratus pada suku pertama. Tahap inflasi pada bulan Ogos 2024 pula telah **turun kepada 1.9 peratus**, manakala kadar **pengangguran menurun kepada 3.2 peratus**, iaitu kadar terendah sejak Januari 2020. Prestasi **ringgit diiktiraf salah satu mata wang terbaik dunia** sebanyak 14.4 peratus berbanding dolar Amerika dalam suku ketiga 2024, pencapaian terbaik sejak tahun 1973.

4. **Perdagangan global** diunjur bertambah baik pada **kadar 3.0 peratus** berbanding tahun 2023 sebanyak 0.3 peratus, berikutan peningkatan aktiviti eksport dan import. Di samping itu, pelaksanaan langkah rangsangan fiskal secara bersasar, pelarasan kadar faedah dan peningkatan perbelanjaan infrastruktur ternyata berjaya menyuntik rangsangan ekosistem ekonomi yang lebih positif.
5. Ekonomi Malaysia pada suku tahun kedua 2024 menunjukkan prestasi yang kukuh dalam Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) meningkat 5.9 peratus berbanding 4.2 peratus pada suku tahun sebelumnya dengan Sektor Perkhidmatan dan Pembuatan terus memacu keseluruhan prestasi serta kesemua sektor mengalami pertumbuhan yang lebih baik dari segi penawaran. Berdasarkan prestasi keseluruhan semasa, Pendapatan Negara Kasar per Kapita sehingga suku tahun kedua 2024 mencatatkan 53,664 ringgit berbanding 51,991 ringgit pada tahun 2023.
6. Indeks petunjuk utama FTSE Bursa Malaysia KLCI (FBM KLCI) telah mencatat peningkatan sebanyak 15 peratus setakat tahun ini dan menjadikan Bursa Malaysia muncul sebagai pasaran yang mencatat prestasi terbaik di ASEAN di mana permodalan pasaran keseluruhan bursa adalah 2.05 trilion ringgit. **Indeks Pelopor (IP)** pula mencatatkan **5.2 peratus, mencapai 115.1 mata** pada bulan **Julai 2024** berbanding 109.4 mata pada bulan yang sama tahun 2023. Indeks IP yang melepassi 100.0 mata menggambarkan ekonomi Malaysia yang berdaya tahan.
7. Eksport meningkat 1.7 peratus atau 2.1 bilion ringgit kepada 126.0 bilion ringgit. Prestasi perdagangan antarabangsa Malaysia mengekalkan pertumbuhan positif pada suku tahun kedua 2024. Jumlah

dagangan meningkat 8.7 peratus atau 19.0 bilion ringgit untuk mencapai nilai 237.8 bilion ringgit berbanding 218.8 bilion ringgit pada tahun sebelumnya.

8. Alhamdulillah, kesemua paparan empirikal ini jelas membuktikan betapa kalisnya ekonomi Negara meskipun berhadapan dengan tantangan dan ketidaktentuan geopolitik dan kegalauan ekonomi Negara. Ini menjadi bukti betapa makmurnya ekonomi Negara sekiranya diurus tadbir dengan penuh amanah dan disokong oleh perpaduan politik yang semakin mengukuh dan akrab.

Yang Berhormat Dato' Yang DiPertua,

SENARIO EKONOMI NEGERI SEMBILAN

Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK)

9. Seiring dengan pertumbuhan progresif nasional, Negeri Sembilan turut merekodkan pertumbuhan positif KDNK sebanyak **1.8 peratus** pada tahun 2023 dengan nilai sebanyak **51.9 billion ringgit** berbanding 50.9 bilion ringgit pada tahun 2022 yang dipacu oleh Sektor Perkhidmatan dan Pembuatan.

Kadar Pengangguran

10. Kadar pengangguran di Negeri Sembilan menurun **0.2 peratus** kepada 3.2 peratus pada tahun 2023 berbanding 3.4 peratus pada tahun 2022.

Kadar Kemiskinan

11. Alhamdulillah, setakat 15 Oktober 2024, Negeri Sembilan telah berjaya mencapai sasaran **sifar miskin tegar**, daripada 0.4 peratus tahun 2019 dan 0.1 peratus tahun 2022. Nilai purata Pendapatan Garis Kemiskinan (PGK) Negeri Sembilan pada tahun 2022 adalah **2,402 ringgit sebulan** manakala purata nilai PGK makanan adalah **1,173 ringgit sebulan** dengan saiz isi rumah seramai 3.6 orang. Walau bagaimanapun, kita masih perlu terus memberikan perhatian khusus kepada seramai **1,258 orang** yang berada dalam kategori **mudah miskin tegar**.

Kadar Guna Tenaga

12. Tenaga buruh di Negeri Sembilan meningkat sebanyak **3.5 peratus** pada tahun 2023 berbanding 1.6 peratus pada tahun 2022 dengan bilangan tenaga buruh seramai **553.9 ribu orang** berbanding 535.3 ribu orang pada tahun 2022. Kadar Penyertaan Tenaga Buruh di Negeri Sembilan juga meningkat sebanyak 1.0 peratus kepada **66.1 peratus** pada 2023, berbanding 65.1 peratus pada 2022.

13. Manakala **inflasi** Negeri Sembilan pada 2023 menurun kepada **2.0 peratus** berbanding 2.8 peratus pada 2022 berikutan harga komoditi global yang lebih rendah, gangguan bekalan yang beransur pulih, kawalan harga dan pemberian subsidi untuk barang terpilih. Pada suku kedua tahun 2024, inflasi Negeri Sembilan mencatatkan **1.2 peratus** iaitu di bawah paras nasional 2.0 peratus.

Pertumbuhan Sektor Bernilai Tinggi

14. Kekuatan Sektor Ekonomi Dalam Penjanaan KDNK berdasarkan dapatan utama Jadual *Input-Output* Negeri dan daerah Negeri Sembilan adalah seperti berikut:

- i. Sektor yang menunjukkan kesan pengganda ekonomi tertinggi adalah Sektor Perkhidmatan seperti Perdagangan Borong dan Runcit, Makanan dan Minuman serta Penginapan;
- ii. Sektor Pertanian juga menunjukkan nilai pengganda yang tinggi; dan
- iii. Pembangunan Sektor Pembuatan pula memerlukan kepada inisiatif berimpak tinggi dan boleh menjadi pemangkin perubahan struktur seperti pembangunan industri tumpuan dan berteknologi tinggi dalam kawasan Malaysia Vision Valley 2.0 (MVV2.0) yang merangkumi industri aeroangkasa, maritim dan halal.

Pelaburan

15. Pada tahun 2023, Negeri Sembilan telah berjaya mencatatkan rekod pelaburan tertinggi iaitu sebanyak **10.1 bilion ringgit**. Sehingga suku kedua tahun 2024, sebanyak **3.0 bilion ringgit** pelaburan telah direkodkan dan kita optimis akan menyamai rekod pelaburan tahun lalu. Sektor Pembuatan kekal sebagai pemacu utama kepada prestasi pelaburan Negeri dengan 73 peratus atau 2.18 bilion ringgit. Manakala, baki 0.82 bilion ringgit adalah daripada Sektor Perkhidmatan.

16. Bagi menyokong pertumbuhan positif Sektor Pembuatan yang signifikan kepada pertumbuhan ekonomi Negeri, inisiatif **pembangunan kawasan perindustrian baharu** terus menjadi agenda utama dalam pembangunan MVV2.0. Pada masa ini, tumpuan pembangunan kawasan perindustrian baharu akan melibatkan Taman Perindustrian Hamilton, XME Business Park, NS Smart Park, MVV Techpark, Techpark 3@Enstek, Vision Business Park, Eka Smart Industrial Park, Sikamat Industrial Park, SPD Techvalley, NS Semiconductor Valley dan Springhill Industrial Park dengan keluasan berjumlah **8,348 ekar**.

Yang Berhormat Dato' Yang DiPertua,

Prestasi Kewangan Negeri

17. Prestasi kewangan Negeri Sembilan terus merekodkan pencapaian yang cemerlang dari segi kutipan hasil, perbelanjaan, rizab Negeri mahupun tatakelola. Hasil Negeri pada tahun 2023 adalah sebanyak **541.43 juta ringgit** atau **120.32 peratus** berbanding sasaran, sekaligus mengubah belanjawan dari **defisit 108.0 juta ringgit** kepada **surplus 4.93 juta ringgit**. Penyata Kewangan Negeri Sembilan Tahun 2023 juga telah dibentangkan di Parlimen dengan **Sijil Bersih Tanpa Teguran** oleh Ketua Audit Negara. Untuk rekod, Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Sembilan telah berjaya memperolehi Sijil Bersih Tanpa Teguran oleh Ketua Audit Negara sejak tahun 2017 lagi sehingga tahun 2023. Tahniah saya ucapan kepada Pejabat Kewangan dan Perbendaharaan Negeri selaku peneraju utama pengurusan kewangan di Negeri ini kerana telah menguruskan kewangan Negeri dengan baik.

18. Sehingga **21 November 2024**, jumlah kutipan hasil yang telah berjaya dikutip adalah sebanyak **505.0 juta ringgit** atau **97 peratus** daripada sasaran **520.0 juta ringgit**. Kutipan Hasil Cukai adalah sebanyak **147.0 juta ringgit** atau **92 peratus**, Hasil Bukan Cukai sebanyak **296.0 juta ringgit** atau **99 peratus** dan Terimaan Bukan Hasil sebanyak **62 juta ringgit** atau **104 peratus**.

19. Alhamdulillah, tahun ini merupakan tahun kedua Kerajaan Negeri Sembilan menyediakan Belanjawan Tahunan menggunakan pendekatan **pengurusan kewangan MADANI** berdasarkan kepada **Pelan Pengurusan Kewangan MADANI 2025 - 2030** yang telah diluluskan oleh Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri pada 20 September 2023 dan telah diluncurkan secara rasminya pada **26 Oktober 2024** yang lalu oleh YBhg. Dato' Ketua Setiausaha Perbendaharaan Malaysia. Untuk rekod, Negeri Sembilan merupakan Negeri yang pertama menyediakan Pelan Pengurusan Kewangan MADANI di Negara ini. Pelan Pengurusan Kewangan MADANI telah menggariskan sebanyak **49 inisiatif** dan **13 strategi** untuk dilaksanakan dalam tempoh 2025 hingga 2030. Untuk itu, sukacita saya mengumumkan cita-cita besar Negeri Sembilan untuk mencapai hasil **1.0 bilion ringgit pada tahun 2030**, *Insya Allah*. Saya optimis, sekiranya **nilai-nilai teras** kewangan MADANI iaitu **al-Qawiyyul Amiin** dan **al-Hafizul ‘Alim** diamalkan sepenuhnya oleh setiap Anggota Pentadbiran Kerajaan Negeri ini, tidak mustahil sasaran hasil 1.0 bilion ringgit tersebut dapat dicapai lebih awal lagi.

20. Tatakelola kewangan yang baik juga telah dizahirkan oleh Negeri Sembilan melalui pengurusan MARRIS di mana pada tahun 2020 dan 2022 Negeri Sembilan telah berjaya membelanjakan peruntukan MARRIS dengan peratusan tertinggi berbanding Negeri-negeri lain. Bagi

tempoh 2019 hingga Oktober 2024, sebanyak **2.32 bilion ringgit** telah dibelanjakan bagi pelbagai kerja-kerja penyelenggaraan jalan Negeri.

21. Antaranya, sejak tahun 2019, sepanjang **7,032.91 kilometer jalan** telah diselenggara termasuk jalan luar bandar, jalan perbandaran dan kawasan perindustrian. Sejumlah **141 buah jambatan** telah dibaiki dengan kos projek sebanyak **68.42 juta ringgit** dan sebanyak **194.23 juta ringgit** telah dibelanjakan untuk kerja-kerja penyelenggaraan dan **baik pulih cerun**. Sistem perparitan dan longkang turut menjadi salah satu keutamaan dalam penyelenggaraan MARRIS, di mana sebanyak 310.3 juta ringgit dibelanjakan untuk kerja-kerja penyelenggaraan tersebut. Peruntukan yang diterima semakin meningkat setiap tahun bergantung kepada jumlah panjang jalan yang didaftarkan dan juga prestasi perbelanjaan tahun sebelumnya. Kejayaan ini adalah hasil usaha semua pihak yang terlibat di peringkat penyelaras dan pelaksanaan di daerah-daerah.

22. Kerajaan Negeri optimis bahawa terimaan bagi tahun 2025 akan melebihi terimaan tahun 2024 selaras dengan strategi perbelanjaan yang telah dirangka oleh Pejabat Kewangan dan Perbendaharaan Negeri serta JKR Negeri Sembilan. Usaha ini merupakan inisiatif Kerajaan Negeri dalam memastikan peluang ini dapat dimanfaatkan oleh kontraktor-kontraktor kecil di Negeri Sembilan terutamanya melalui perolehan kerja secara undian. Untuk rekod, dalam tempoh 2020 hingga 2024, sebanyak **3,766 projek MARRIS** telah diundi dengan jumlah **kos projek sebanyak 364 juta ringgit**.

Yang Berhormat Dato' Yang DiPertua,

Pencapaian Aspirasi Perpaduan

23. “**Semua berkeringat membanting diri, tidak mengenal siapa diri, terdirinya kota Kerajaan Negeri, kuasa yang ada teguh berdiri.**” Alhamdulillah, sehingga kini, Kerajaan Perpaduan Negeri Sembilan sudahpun berusia **1 tahun 3 bulan dan 10 hari**. Setiap hari yang kami lalui bersama, semakin dirasai keakraban, kasih sayang dan keserasian sesama kami dalam mentadbir Negeri. Izinkan saya merakamkan ucapan terima kasih dan penghargaan kepada Yang Berhormat Exco Kanan, Datuk Seri Jalaludin bin Alias dan rakan-rakan Yang Berhormat dari Barisan Nasional yang lain, kerana telah memberikan kerjasama dan dokongan yang amat kuat kepada Kerajaan Perpaduan Negeri Sembilan, dengan sama-sama menjayakan Aspirasi Kerajaan MADANI yang dicintai. Inilah berkat dan hikmah perpaduan sebagaimana firman Allah dalam **Surah Ali ‘Imran, ayat 103:**

أَعُوذُ بِاللّٰهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ
وَاعْتَصِمُوا بِحَبْلِ اللّٰهِ جَمِيعًا وَلَا تَفَرَّقُوا

Maksudnya:

“**Berpegang teguhlah kamu seluruhnya dengan tali Allah dan janganlah kamu berpecah belah.**”

24. Sudah menjadi tanggungjawab Kerajaan untuk mempertahankan hak dan kebijakan rakyat tanpa mengira sempadan politik dan kaum. Bak kata bidalan: “**adat bersuku, suku dipertahankan, adat ber negeri, Negeri dipertahankan.**” Sepanjang tahun 2024, sebanyak **29.75** juta

ringgit telah diperuntukkan untuk melaksanakan **Iapan (8) inisiatif Aspirasi Perpaduan** di bawah Skim Sejahtera Rakyat (SSR). Bantuan secara *cash-aid* ini dirangka secara holistik dan inklusif dengan mengambil kira semua golongan masyarakat termasuk bayi dan kanak-kanak, belia, pelajar sekolah, mahasiswa, siswazah, ibu tunggal dan warga emas. SSR ini juga dilaksanakan secara kolaboratif dengan Yayasan Negeri Sembilan melalui bantuan khas kepada para pelajar dan mahasiswa dengan peruntukan sebanyak **2.65 juta ringgit**.

Menjadi pemimpin hatinya lurus

Imannya teguh budipun halus

Memikul beban hatinya tulus

Mengingat rakyat tiada putus

Dijadikan pemimpin amatlah bagus

Dijadikan tua bertungkus lumus

Dijadikan induk tahu mengurus

Memimpin Negeri umat terurus

Menjadi pemimpin ianya baik

Sifat terpuji perangaipun molek

Tahu mengajar bijak mendidik

Tahu berhemat serta selidik

Membela rakyat tahan diindik

Membela Negeri tahan dibadik

*Menjadi pemimpin sentosa rakyat
Dijadikan tua ianya tepat
Dijadikan teladan ia bersifat
Dijadikan induk besar manfaat
Negeri sentosa umat selamat*

25. Kerajaan Negeri juga telah mencatatkan kejayaan dalam mencapai objektif **Aspirasi Perpaduan** di mana sehingga Oktober 2024, sebanyak **11.68 juta ringgit** telah dibelanjakan dan memberi manfaat kepada seramai **42,072 orang penerima** termasuk **33,493 orang warga emas**. Inisiatif-inisiatif yang dilaksanakan ini ternyata memberikan impak yang sangat berkesan kepada masyarakat khususnya golongan berpendapatan rendah.

Yang Berhormat Dato' Yang DiPertua,

C. BELANJAWAN 2025

26. Bagi meneruskan kelangsungan dan agenda pembangunan Negeri ini, Belanjawan 2025 akan terus memberikan tumpuan kepada inisiatif-inisiatif yang diyakini dapat menyeimbangkan antara keperluan sara hidup dan pengukuhan ekonomi supaya terus berdaya tahan (*resilience*). Oleh itu, sukacita saya mengumumkan tema belanjawan tahun 2025 kekal iaitu "**BERSAMA MEMBINA NEGERI MADANI**".

27. Setelah menelusuri tahun ketiga pembentangan belanjawan secara defisit, maka pada hari ini, Kerajaan Negeri mencadangkan kepada Dewan yang mulia ini **Belanjawan Berimbang** untuk tahun 2025

iaitu Anggaran Hasil sebanyak **590.0 juta ringgit** dengan Anggaran Belanja Mengurus sebanyak **590.0 juta ringgit**. Daripada jumlah tersebut, sebanyak **135.0 juta ringgit** adalah diperuntukkan di bawah Anggaran Belanja Pembangunan.

ANGGARAN HASIL 2025

28. Pada tahun 2025, **Anggaran Hasil** dijangka diperoleh sebanyak **590.0 juta ringgit** iaitu meningkat sebanyak 70.0 juta ringgit atau 13.46 peratus berbanding 520.0 juta ringgit pada tahun 2024. Daripada Anggaran Hasil tersebut, kutipan **Hasil Cukai** adalah sebanyak **159.35 juta ringgit** atau 27.01 peratus, berbanding 160.01 juta ringgit pada tahun 2024.

29. **Hasil Bukan Cukai** terus menjadi penyumbang utama dengan anggaran sebanyak **364.57 juta ringgit** atau 61.79 peratus iaitu peningkatan berjumlah 64.33 juta ringgit berbanding 300.24 juta ringgit pada tahun 2024. Peningkatan ini adalah seiring dengan pembangunan pesat sektor harta tanah dan perindustrian khususnya di kawasan koridor pembangunan MVV2.0. Selain daripada itu, **Terimaan Bukan Hasil** dijangka meningkat sebanyak 10.6 peratus iaitu daripada 59.75 juta ringgit pada tahun 2024 kepada **66.08 juta ringgit** pada tahun 2025.

ANGGARAN BELANJA MENGURUS 2025

30. Pada tahun 2025, Anggaran Belanja Mengurus diperuntukkan sebanyak **590.0 juta ringgit**. Perbelanjaan tertinggi disediakan bagi maksud **Emolumen** sebanyak **238.49 juta ringgit** atau 40.42 peratus. Seterusnya, **Pemberian dan Kenaan Bayaran Tetap** sebanyak **214.26**

juta ringgit atau 36.32 peratus, **Perkhidmatan dan Bekalan** sebanyak **129.74 juta ringgit** atau 21.99 peratus, **Perolehan Aset** sebanyak **2.45 juta ringgit** atau 0.41 peratus dan peruntukan **Perbelanjaan-perbelanjaan Lain** sebanyak **5.06 juta ringgit** atau 0.86 peratus.

Yang Berhormat Dato' Yang DiPertua,

BIDANG TUMPUAN BELANJAWAN 2025

31. Pelbagai bantuan kewangan, pemberian tunai, insentif bukan kewangan dan bantuan sokongan telah direncanakan oleh Kerajaan Negeri untuk dimanfaatkan oleh rakyat. Belanjawan 2025 ini akan memberi fokus kepada **sembilan (9) Bidang Tumpuan** iaitu:

- i. **Bidang Tumpuan Pertama: Kemampanan Ekonomi Rakyat;**
- ii. **Bidang Tumpuan Kedua: Keterjaminan Makanan;**
- iii. **Bidang Tumpuan Ketiga: Pendidikan;**
- iv. **Bidang Tumpuan Keempat: Pemerkasaan Komuniti;**
- v. **Bidang Tumpuan Kelima: Kerohanian dan Agama;**
- vi. **Bidang Tumpuan Keenam: Pemerkasaan Wanita, Belia dan Sukan;**
- vii. **Bidang Tumpuan Ketujuh: Pelancongan, Adat dan Budaya;**
- viii. **Bidang Tumpuan Kelapan: Kelestarian Alam Sekitar; dan**
- ix. **Bidang Tumpuan Kesembilan: Kebajikan dan Kesihatan.**

32. Sejak tahun 2019 hingga ke Belanjawan Tahun 2025, sejumlah **148 inisiatif** telah diumumkan oleh Kerajaan Negeri meliputi pelbagai bidang tumpuan. Kesemua inisiatif ini sama ada akan diteruskan, ditambah baik atau distruktur semula berdasarkan pencapaian *outcome* masing-masing. Bagi meneruskan transformasi tersebut, suacita saya umumkan, sebanyak **23 inisiatif baharu** akan diperkenalkan dan **43 inisiatif sedia ada** akan dikekalkan atau ditambah baik, menjadikan jumlah **inisiatif Belanjawan 2025** adalah sebanyak **66 inisiatif** dengan peruntukan berjumlah **96.23 juta ringgit**.

Yang Berhormat Dato' Yang DiPertua,

INISIATIF BELANJAWAN 2025

BIDANG TUMPUAN 1:

KEMAMPANAN EKONOMI RAKYAT

33. Kerajaan Negeri meneruskan usaha dan agenda untuk **Kemampunan Ekonomi Rakyat** dengan mengekalkan **lima (5) inisiatif sedia ada** dan memperkenalkan **satu (1) inisiatif baharu** dengan jumlah peruntukan sebanyak **6.35 juta ringgit**. Inisiatif-inisiatif sedia ada termasuk Jualan Nismilan Prihatin, Insentif Usahawan Halal Kotej, Karnival Kerjaya dan Kesejahteraan Pekerja Negeri Sembilan, Tabung Pembangunan Usahawan Negeri Sembilan (TUNS) dan Program Pemerksaan Usahawan Negeri Sembilan (NS Choice) dikekalkan.

Tergesel kena miangnya
Tergegar kena rebasnya
Tersembur kena perciknya
Terlaksana kena manfaatnya

34. Kerajaan Negeri mengambil cakna akan suara keluh kesah rakyat berkaitan kos sara hidup. Bermula pada tahun 2022, Kerajaan Negeri telah mengumumkan peruntukan sebanyak 5.0 juta ringgit bagi menjayakan inisiatif **Jualan Nismilan Prihatin** iaitu jualan barang-barang keperluan asas seperti ayam, telur, minyak masak, sayur-sayuran dan daging pada harga murah sehingga 30 peratus lebih rendah dari harga pasaran. Program ini ternyata mendapat sambutan yang sangat menggalakkan di seluruh kawasan DUN setiap minggu. Saya amat terharu dengan kesudian kakitangan Kerajaan dan sukarelawan yang sanggup berkorban tenaga menyembelih ayam, memproses, membungkus dan menjual barang setiap minggu di tujuh (7) lokasi di seluruh Negeri Sembilan. Hanya Allah yang layak membalas kebaikan tuan / puan semua atas usaha murni ini. Untuk itu, sebanyak **2.0 juta ringgit** akan diperuntukkan pada tahun hadapan bagi meneruskan **Jualan Nismilan Prihatin**.

35. **Insentif Halal Kotej** juga diteruskan dengan peruntukan sebanyak **500 ribu ringgit** bagi mendaya upaya (*empower*) usahawan-usahawan mikro dalam mematuhi prinsip halalan toyyiban dan melepassi piawaian pensijilan halal yang ditetapkan oleh Kerajaan seperti kebersihan premis, kualiti alatan dan perkakasan yang digunakan. Sehingga kini, seramai **224 usahawan** Halal Kotej telah berjaya melepassi piawaian pensijilan halal yang ditetapkan oleh Kerajaan. Usaha ini telah berupaya

mengembangkan pasaran perniagaan masing-masing dengan lebih luas lagi.

36. Bagi membudayakan keusahawanan dalam kalangan masyarakat, sejak tahun 2019, Kerajaan telah melancarkan inisiatif **Tabung Usahawan Negeri Sembilan (TUNS)** yang sehingga kini, seramai **6,459 usahawan kecil** telah mendapat manfaatnya. Melihat kepada sambutan yang amat luar biasa, Kerajaan bersetuju untuk meneruskan lagi inisiatif ini pada tahun hadapan dengan peruntukan sebanyak **3.0 juta ringgit** yang dijangka dapat memberi manfaat kepada **seribu orang** usahawan.

Inisiatif Baharu (1) – Program Pemerkasaan TVET

37. Melihat kepada peningkatan jumlah pelaburan yang diterima dalam tempoh empat (4) tahun kebelakangan ini, Kerajaan Negeri optimis bahawa dalam tempoh lima (5) tahun akan datang, Negeri Sembilan bakal menerima limpahan peluang pekerjaan dalam pelbagai sektor industri pembuatan dan perkhidmatan. Untuk itu, kita perlu bersedia menyediakan pasaran tenaga separuh mahir yang mencukupi kepada industri dalam bidang TVET. Sehubungan itu, Kerajaan Negeri memperuntukkan sebanyak **150 ribu ringgit** bagi **memperhebatkan program promosi TVET** di seluruh Negeri Sembilan. Untuk rekod, Kolej Yayasan Negeri Sembilan (KYNS) telah menjalinkan **kerjasama pintar dengan Toyota Laser Motor Group (LMG) Sdn Bhd** mulai tahun 2023 bagi memperkasakan sektor automotif di KYNS. Sehingga kini, seramai **32 orang pelajar** dalam bidang automotif telah dihantar untuk menjalani latihan industri dengan elaun bulanan sebanyak 1,000 ringgit sebulan. Seramai **tiga (3) orang pelajar** telah ditawarkan pekerjaan dengan purata gaji sebanyak **1,600 ringgit hingga 1,800 ringgit** sebulan.

Yang Berhormat Dato' Yang DiPertua,

**BIDANG TUMPUAN 2:
KETERJAMINAN MAKANAN**

38. Sektor pengeluaran makanan terutama pertanian dan penternakan perlu diberikan keutamaan dan perhatian bagi memastikan penduduk Negeri Sembilan khususnya, mempunyai bekalan makanan yang mencukupi pada paras harga yang munasabah. Justeru itu, Kerajaan Negeri meletakkan **Keterjaminan Makanan** sebagai bidang tumpuan utama dalam Belanjawan 2025, sebagai usaha untuk meningkatkan **sekuriti dan pengeluaran makanan** terutamanya dalam subsektor ternakan, sekaligus mengurangkan kebergantungan terhadap import bekalan makanan.

39. Menyedari kepentingan bidang tumpuan ini, Kerajaan Negeri telah menggarap lapan **(8) inisiatif** yang terdiri dari dua **(2) baharu** dan enam **(6) sedia ada** dengan peruntukan sebanyak **8.63 juta ringgit** pada tahun 2025.

Inisiatif Baharu (2) – Program *Touchpoint* Tanaman Buah-buahan

40. Program ini merupakan **langkah dua hala** iaitu pengedaran benih tanaman buah-buahan terpilih dan penghijauan aneka tanaman kepada komuniti taman perumahan dan desa, sekaligus mencetus minat rakyat dalam meneroka bidang pertanian sebagai satu peluang menjana ekonomi. Untuk tujuan ini, peruntukan **sebanyak 500 ribu ringgit** disediakan pada tahun 2025.

Inisiatif Baharu (3) – Pembinaan Pavilion MAHA

41. Program Pameran Pertanian, Hortikultur dan Agro Pelancongan atau singkatannya MAHA telah menjadi pameran pertanian utama dan terbesar di Asia Tenggara. Setelah hampir satu abad, MAHA sememangnya terbukti menjadi acara yang dinanti-nantikan oleh segenap lapisan masyarakat dan menjadi platform pengiktirafan kepada Sektor Pertanian. Acara MAHA juga memberi peluang kepada setiap Negeri memperkenalkan produk masing-masing di setiap pavilion Negeri yang disediakan. Bagi mengangkat martabat petani di Negeri ini, sukacita saya umumkan, satu **Pavilion kekal MAHA Negeri Sembilan** akan dibangunkan pada tahun hadapan dengan kos projek sebanyak **3.0 juta ringgit**. Pembinaan pavilion ini dijangka mengambil masa selama **2 tahun** dan dijangka **siap pada tahun 2026**. Untuk itu, peruntukan sebanyak **500 ribu ringgit** akan disediakan pada tahun 2025 bagi kerja-kerja awalan.

42. Selain itu, Kerajaan Negeri bersetuju **mengekalkan enam (6) inisiatif sedia ada** iaitu:

- i. **Initiatif Keterjaminan Makanan, 2.05 juta ringgit;**
- ii. **Program *Touchpoint* MUAFAKATANI, 1.0 juta ringgit;**
- iii. **Insentif Galakan Pengeluaran Bekalan Makanan, 1.0 juta ringgit;**
- iv. **Pembangunan Kawasan Tumpuan Pembangunan Pertanian, 500 ribu ringgit;**
- v. **Insentif Peningkatan Populasi Ruminan (I-NPOR), 480 ribu ringgit; dan**

vi. Program Penanaman Napier, Pastura dan Kekacang (I-NPAK), 100 ribu ringgit.

Yang Berhormat Dato' Yang DiPertua,

BIDANG TUMPUAN 3:

PENDIDIKAN

*Lubuk akal lautan budi, Tahu diadat dan pusaka
Tahu menimbang sama berat, Tahu mengagak mengagihkan
Kalau guru kepala ngajar, Umpama bunga kembang tak jadi.*

Alang tukang terbuang kayu

Alang cerdik binasa adat

Alang alim rosak agama

Alang sefaham kacau Negeri

43. Menyedari kepentingan ilmu dan pendidikan dalam membentuk generasi akan datang, bidang tumpuan yang turut diberi perhatian utama oleh Kerajaan Negeri adalah **Pendidikan**. Kerajaan Negeri amat berbangga dengan pencapaian cemerlang yang direkodkan oleh anak-anak Negeri semasa peperiksaan SPM pada tahun 2023 yang lalu di mana Negeri Sembilan berada pada kedudukan **kedua tertinggi** di peringkat nasional. Kerajaan Negeri komited untuk meneruskan momentum ini dan untuk itu, sebanyak **19.67 juta ringgit diperuntukkan pada tahun hadapan** merangkumi **15 inisiatif** iaitu **lima (5) inisiatif baharu** dan **sepuluh (10) inisiatif sedia ada** diteruskan berikutkan keberkesanan hasil program yang ditunjukkan.

Inisiatif Baharu (4) – Pembinaan Generasi Celik Kecerdasan Buatan atau *Artificial Intelligence* (A.I)

44. Teknologi Kecerdasan Buatan atau A.I merupakan teknologi terkini yang menjadi pendamping dalam kehidupan harian, mencakupi pelbagai aspek kehidupan khususnya dalam bidang pendidikan. Budaya A.I ini dapat meningkatkan pengalaman pembelajaran dan pengajaran dengan lebih interaktif. Justeru para pelajar perlu segera didedahkan dengan budaya A.I ini untuk persediaan dunia pendidikan yang lebih mencabar dan luas. Sehubungan itu, Kerajaan Negeri memperuntukkan sebanyak **300 ribu ringgit** bagi menggalakkan **budaya celik A.I** dalam kalangan pelajar melalui pertandingan reka cipta, inovasi dan STEM.

Inisiatif Baharu (5) – Asrama Sekolah Menengah Agama Chuah, Port Dickson

45. Kerajaan Negeri amat prihatin dengan kekangan yang dihadapi oleh pengurusan Sekolah Menengah Agama Chuah Port Dickson yang tidak mampu menampung kemasukan pelajar baru yang sentiasa meningkat setiap tahun berbanding kapasiti yang hanya boleh menampung seramai 50 orang pelajar sahaja. Pada tahun 2024 sebanyak 101 permohonan diterima berbanding 83 permohonan diterima pada tahun 2023. Justeru, Kerajaan Negeri bersetuju memperuntukkan sebanyak **7.0 juta ringgit** bagi pembinaan **2 blok asrama, 1 blok dewan makan** dan **1 blok kantin** di Sekolah Menengah Agama Chuah dengan tempoh pelaksanaan 2 tahun. Sehubungan itu sebanyak **100 ribu ringgit** diperuntukkan pada tahun 2025 untuk pelaksanaan kerja-kerja awalan. Inisiatif ini juga bertujuan untuk membantu mengurangkan kos sara hidup

para pelajar yang terpaksa berulang alik ke sekolah setiap hari dari rumah yang jauh jaraknya.

Inisiatif Baharu (6) - Blok Tambahan Kelas SMA Sains Kuala Pilah

46. Selain Sekolah Menengah Agama Chuah, Kerajaan turut memberi perhatian kepada **Sekolah Menengah Agama Sains Kuala Pilah** yang merupakan Sekolah Agama Bantuan Kerajaan yang dikelolakan secara bersama oleh Negeri dan Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM). Sekolah ini menawarkan Kurikulum Bersepadu Tahfiz (KBT) dan Kurikulum STEM (Sains, Teknologi, Kejuruteraan dan Matematik). Pada ketika ini, SMA Sains Kuala Pilah hanya mampu menampung 70 tempat sahaja berbanding trend permohonan yang semakin meningkat iaitu 970 permohonan pada tahun 2023 dan 1,010 permohonan pada tahun 2024. Sehubungan itu, sukacita saya umumkan peruntukan sebanyak **1.5 juta ringgit** bagi **menambah 10 buah kelas** lagi untuk keselesaan pembelajaran anak-anak seiring dengan peningkatan jumlah pelajar. Untuk itu, sebanyak **400 ribu ringgit** diperuntukkan pada tahun 2025 dan bakinya pada tahun 2026.

Inisiatif Baharu (7) - Bayaran Setengah Bulan Elaun Kepada Guru KAFA Tulen Yang Cuti Bersalin Dua (2) Bulan

47. Jasa dan pengorbanan seorang ibu sangat besar dan tinggi nilainya kepada kita semua. Bukan sedikit keringat dan air mata yang ditumpahkan untuk melihat anak-anaknya gembira dan berjaya. Apatah lagi apabila menggalas tugas sebagai pendidik dan pada masa yang sama memikul tanggungjawab sebagai seorang ibu. Sebagai menghargai pengorbanan ini, Kerajaan Negeri memperkenalkan inisiatif

pemberian **Bayaran Setengah Bulan Elaun Kepada Guru KAFA Tulen Yang Cuti Bersalin Dua (2) Bulan** kepada lebih kurang **100 orang Guru KAFA wanita** dengan peruntukan sebanyak **142 ribu ringgit** pada tahun 2025. Jumlah ini adalah sebagai insentif tambahan kepada jumlah elaun yang telah diberikan oleh Kerajaan Persekutuan.

Inisiatif Baharu (8) - Bayaran Elaun Khas Guru Besar Sekolah Agama Rakyat dan Elaun Khas Penyelaras KAFA di Premis KPM

48. Selain itu, Kerajaan Negeri juga akan memperkenalkan pemberian **Elaun Guru Besar Sekolah Agama Rakyat dan Elaun Khas Penyelaras KAFA di Premis KPM** kepada 81 orang Guru Besar SAR/KAFA dan 214 orang Penyelaras KAFA dengan peruntukan sebanyak **128 ribu ringgit**.

49. Sebagaimana yang telah saya umumkan semasa Belanjawan Tahun 2020 yang lalu, Negeri Sembilan merupakan Negeri yang pertama menubuhkan **Akaun Amanah Penyelenggaraan Sekolah** di Negara ini. Sungguhpun tanggungjawab penyelenggaraan sekolah adalah di bawah Persekutuan, namun kepentingan persekitaran pembelajaran yang kondusif dan selamat tetap menjadi keutamaan Kerajaan Negeri, merentasi sempadan politik. Untuk itu sebanyak **1.0 juta ringgit** diperuntukkan pada tahun 2025.

50. Selain itu, Kerajaan Negeri meneruskan **Program Fast Track Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) Lepasan Tahfiz Negeri Sembilan** dengan peruntukan sebanyak **500 ribu ringgit**. Ia merupakan inisiatif Kerajaan Negeri sejak tahun 2021 yang bertujuan meningkatkan keberhasilan pendidikan kumpulan tahfiz melalui formalisasi pendidikan. Tahun 2025

merupakan tahun kelima pelaksanaannya. Pada tahun **2023, seramai 72 orang pelajar telah layak menerima sijil SPM** (50 orang Aliran Agama dan 22 orang Aliran Sains) dan seramai 50 orang pelajar sedang mengikuti program *Fast Track* ini. Pelajar lepasan program ini telah berjaya melanjutkan pelajaran ke peringkat lebih tinggi di luar Negara dan dalam Negara. Program ini adalah agenda Kerajaan dalam mengarus perdanakan pelajar tahfiz dalam sistem pendidikan Negara melalui persiapan pelajar tahfiz untuk mendapatkan SPM dalam tempoh satu (1) tahun.

51. **Inisiatif Bantuan Anak Sekolah (N9 BAS)** adalah bantuan tunai sebanyak 50 ringgit sebulan kepada anak-anak kumpulan B40 yang telah mula dilaksanakan sejak tahun 2019. Untuk itu, ianya akan diteruskan lagi pada tahun 2025 dengan peruntukan sebanyak **1.0 juta ringgit** yang bakal memberi manfaat kepada seramai **1,800 orang murid**.
52. Bagi menyuburkan program pembudayaan ilmu, dua (2) inisiatif akan diteruskan iaitu **Inisiatif Bantuan Anak Negeri (N9 BAN)** dengan peruntukan sebanyak **0.8 juta ringgit** dan **Bantuan Sekolah Tahfiz/ SJKC/ SJKT/ Swasta** dengan peruntukan sebanyak **2.0 juta ringgit** pada tahun hadapan.
53. Di samping itu, beberapa inisiatif sedia ada diteruskan termasuk sebanyak **3.35 juta ringgit** diperuntukkan bagi **Bantuan Peranti Mudah Alih Bagi Pelajar Tingkatan Enam (6) dan ke atas, 3.6 juta ringgit** bagi **Skim Dermasiswa Sara Hidup Untuk Pelajar IPTA, 100 ribu ringgit** untuk **Insentif Khas Galakan Kecemerlangan SPM, STPM dan STAM**. Manakala **1.0 juta ringgit** disediakan bagi **Pinjaman Pendidikan Tanpa**

Faedah Pelajar Peringkat Sarjana dan Ph.D di IPTA serta 5.25 juta ringgit bagi Insentif dan Bantuan Pelajar TVET KYNS.

Yang Berhormat Dato' Yang DiPertua,

**BIDANG TUMPUAN 4:
PEMERKASAAN KOMUNITI**

54. Komuniti merupakan teras pembentukan jati diri seseorang individu, sesebuah keluarga serta organisasi. Komuniti perlu terus diperkasa agar semua entiti masyarakat jadi terangkum serta tiada yang terpinggir dan terus hidup dengan sejahtera dan harmoni di tanah tercinta ini. Sama-sama kita berdoa agar perpaduan di Negeri Perpatih ini akan terus subur selama-lamanya. Ibarat kata bidalan, "***kalau darah nak sama merahnya, kalau tulang nak sama putihnya, kalau daging nak sama beratnya, maka seuri setembunilah kita***". Justeru, untuk tahun 2025 bidang tumpuan ini bakal diperuntukkan sebanyak **16.48 juta ringgit** merangkumi **12 inisiatif** iaitu enam **(6) inisiatif baharu** dan enam **(6) inisiatif sedia ada** diteruskan atau ditambah baik.

Inisiatif Baharu (9) - Program Pencahayaan Kampung

55. Program Pencahayaan Kampung adalah inisiatif untuk meningkatkan sistem pencahayaan ke arah keselamatan dan kesejahteraan kawasan luar bandar. Projek Pencahayaan Jalan Negeri Sembilan telah berjaya dilaksanakan di bawah Rancangan Malaysia Ke-12 (RMKe-12) dengan peruntukan sebanyak 6.5 juta ringgit. Melalui inisiatif ini, hampir kesemua kawasan jalan di Negeri ini telah dilengkapi

dengan pencahayaan yang lebih baik, memberi manfaat besar kepada keselamatan dan keselesaan pengguna jalan raya. Pada tahun 2025, projek ini diperluaskan lagi melalui Projek Pencahayaan Jalan-jalan Kampung dengan peruntukan tambahan sebanyak **1.0 juta ringgit**.

Inisiatif Baharu (10) - Pelan Pembangunan Luar Bandar NSDK 2026-2045

56. Dalam usaha membangunkan kawasan luar bandar yang lebih mampan berteraskan kemakmuran ekonomi dan kesejahteraan sosial masyarakat luar bandar, Kerajaan Negeri melalui Unit Perancang Ekonomi Negeri Sembilan (UPEN) sedang merangka pelan pembangunan khusus yang dinamakan sebagai Pelan Pembangunan Luar Bandar NSDK 2026-2045. Pelan ini juga dirangka agar selari dengan bidang fokus dan strategi yang terdapat dalam RPNS 2021-2025 dan RMKe-13. Justeru bagi merealisasikan kajian ini, sebanyak **400 ribu ringgit** diperuntukkan untuk pembangunan pelan ini.

Inisiatif Baharu (11) – Penyelenggaraan Rumah Pangsa Kos Rendah Dan Sederhana Rendah Swasta Di Seluruh Negeri Sembilan

57. Pembangunan yang mampan bukan hanya melibatkan pembinaan bangunan baharu, tetapi juga memastikan kebajikan dan kesejahteraan penduduk di kawasan kediaman sedia ada juga terpelihara. Kerajaan Negeri juga memberi fokus kepada usaha memastikan setiap rumah pangsa yang didiami, berada dalam keadaan yang baik dan selamat untuk dihuni. Kerajaan Negeri amat prihatin terhadap masalah yang dihadapi oleh pihak **Jabatan Pengurusan Bersama** (JMB) di rumah pangsa swasta terutamanya isu penyelenggaraan, kebersihan,

keselamatan dan infrastruktur yang tidak mencukupi. Oleh itu, tumpuan diberikan dalam menyantuni keperluan ini dengan menyediakan peruntukan yang diperlukan bagi memperbaiki kemudahan dan meningkatkan kualiti hidup mereka. Untuk tahun ini, sebanyak lima (5) skim perumahan telah diselenggara dan memberi manfaat kepada 622 pemilik kediaman yang menghuni di perumahan swasta. Inisiatif ini akan diteruskan dengan peruntukan sebanyak **2.0 juta ringgit**.

Inisiatif Baharu (12) – Sentuhan MADANI FELDA

58. Komuniti akar umbi memainkan peranan dalam pembangunan sesebuah Negara untuk membantu seluruh jentera Kerajaan menyampaikan maklumat kepada masyarakat khususnya di kawasan luar bandar dan pedalaman. Program **Sentuhan MADANI FELDA** ini merupakan salah satu usaha Kerajaan Negeri dalam mengukuhkan jaringan hubungan Kerajaan Negeri dengan warga FELDA di samping memupuk semangat perpaduan yang erat dan semangat patriotisme yang tinggi dalam kalangan masyarakat pelbagai kaum di Negeri ini. Sehubungan itu, sebanyak **500 ribu ringgit** disediakan bagi program ini.

Inisiatif Baharu (13) – Pengukuhan Komuniti MADANI

59. Program Pengukuhan Komuniti MADANI adalah satu inisiatif yang bertujuan untuk memperkuatkannya nilai-nilai masyarakat yang maju, sejahtera secara holistik berlandaskan prinsip-prinsip kemanusiaan, keadilan sosial dan kemakmuran ekonomi. Untuk itu sebanyak **500 ribu ringgit** disediakan bagi program ini.

Inisiatif Baharu (14) - Pewujudan Enam (6) JPKK Baharu

60. Pewujudan tambahan **enam (6) Jawatankuasa Pembangunan Kemajuan Kampung (JPKK)** merupakan salah satu langkah strategik dalam memperkuatkan tadbir urus, tatakelola dan jaringan komunikasi di antara Kerajaan Negeri dengan masyarakat di peringkat akar umbi. JPKK baharu ini adalah:

- i. **JPKK Kampung Bemban, Jelebu;**
- ii. **JPKK Kampung Batu 4, Jalan Jelebu, Seremban;**
- iii. **JPKK Kampung Pasir Mas, Seremban;**
- iv. **JPKK Kampung Legong Jaya, Rembau;**
- v. **JPKK Kampung Air Kuning Linggi, Port Dickson; dan**
- vi. **JPKK Pengkalan Kempas Linggi, Port Dickson.**

Untuk itu sebanyak **165 ribu ringgit** disediakan bagi membiayai kos pengurusan enam (6) buah JPKK tersebut.

61. Selain daripada itu, Kerajaan juga komited untuk memastikan setiap anak Negeri mampu memiliki rumah idaman mereka sendiri. Untuk itu, Kerajaan akan terus menambah pembinaan rumah-rumah mampu milik sama ada yang dibina oleh Kerajaan maupun pihak swasta. Sepanjang tempoh Pentadbiran ini, sebanyak **26,548 unit Rumah Mampu Milik Swasta** dan **351 unit Rumah Penjawat Awam** telah siap dibina. Bagi memberi lebih banyak peluang kepada rakyat untuk memiliki kediaman, Kerajaan Negeri juga telah memperkenalkan Program Rumah Harapan Rakyat pada tahun 2021. Skim ini menyediakan kemudahan pinjaman tanpa faedah bagi rumah bernilai **75 ribu ringgit** kepada golongan B40 yang masih belum memiliki rumah dan ingin membina

rumah banglo setingkat di atas tanah milik sendiri. Sejak tahun **2021 hingga 2023**, sebanyak **167 buah rumah** telah siap dibina dan diserahkan kepada peserta. Manakala sebanyak **41 buah** telah diluluskan pada tahun 2024 dan **sedang dalam pembinaan**. Sehubungan itu, sukacita saya umumkan bahawa inisiatif **Rumah Harapan Rakyat** akan diteruskan dengan peruntukan sebanyak **5.0 juta ringgit** pada tahun hadapan.

62. Pelaksanaan **Desa Muafakat Negeri Sembilan** diteruskan dengan peruntukan **sebanyak 1.0 juta ringgit** bagi membina penempatan penduduk kampung yang lebih terancang selaras dengan Pelan Pembangunan Luar Bandar Negeri Sembilan 2019 - 2040.

63. Selain itu, **1.0 juta ringgit** diperuntukkan untuk menyelenggara taman-taman awam di Negeri Sembilan serta **3.1 juta ringgit** menaik taraf dan pemulihan rumah pangsa awam di seluruh Negeri Sembilan yang mana turut diberi perhatian oleh Kerajaan Negeri. Penyelenggaraan rumah-rumah awam sedia ada ini penting supaya rumah-rumah ini kekal berada dalam keadaan baik, kondusif dan berdaya huni. Usaha Kerajaan Negeri untuk menyubur permuafakatan dan perpaduan kaum di Negeri ini juga akan terus diperkuuh menerusi **Geran Aktiviti ERAT@NS** dengan peruntukan sebanyak **1.5 juta ringgit** pada tahun 2025.

64. Selain itu, sebanyak **315 ribu ringgit** terus diperuntukkan sebagai **Geran Khas Jawatankuasa Pembangunan dan Keselamatan Kampung Orang Asli (JPKKOA)** dengan nilai berjumlah **5 ribu ringgit** kepada **43 buah Kampung Orang Asli (KOA)** yang berdaftar. Peruntukan ini turut disediakan bagi membiayai program-program

kemasyarakatan dan jaringan kerjasama antara KOA dan Kerajaan Negeri. Semoga dengan pemberian geran ini, diharapkan JPKKOA akan terus aktif dalam menganjurkan aktiviti kemasyarakatan dan pembangunan komuniti KOA.

Yang Berhormat Dato' Yang DiPertua,

**BIDANG TUMPUAN 5:
KEROHANIAN DAN AGAMA**

65. ***“Darah dicecah, doa ditampung, sumpah dilabuh, Quran dijunjung, adat bersendikan hukum, hukum bersendikan kitabullah”***. Menjunjung Perlembagaan Negara yang meletakkan Agama Islam sebagai agama rasmi Negara, maka Kerajaan Negeri komited untuk meneruskan agenda pemerkasaan Bidang Tumpuan kelima iaitu **Kerohanian dan Agama**. Untuk itu, sebanyak **19.93 juta ringgit** diperuntukkan bagi membiayai **tujuh (7) inisiatif** merangkumi **dua (2) inisiatif baharu dan lima (5) inisiatif sedia ada**.

66. Peruntukan berjumlah **173 ribu ringgit** disediakan untuk meneruskan pemberian **Elaun Kepada Guru Takmir** sebagai pengiktirafan Kerajaan Negeri terhadap sumbangan mereka dalam mendidik ummah dan masyarakat celik al-Quran, sebanyak **1.01 juta ringgit** disediakan bagi **Insentif Tambahan Elaun Guru KAFA Tulen** dan **0.6 juta ringgit** diperuntukkan bagi program **Pembinaan Karakter Bangsa**. Manakala sebanyak **5.08 juta ringgit** diperuntukkan untuk **bayaran elaun Bilal, Siak dan Pembantu Am Wanita**.

Inisiatif Baharu (15) – Caruman PERKESO bagi Bilal, Siak dan Pembantu Am Wanita

67. Selain pemberian elaun, Kerajaan juga prihatin dengan risiko dan kebijakan penggerak institusi masjid semasa menjalankan tugas. Untuk itu, suacita saya umumkan satu lagi inisiatif baru iaitu **Caruman PERKESO** kepada Bilal, Siak dan Pembantu Am Wanita sebagai skim perlindungan sosial dengan peruntukan sebanyak **560 ribu ringgit** pada tahun 2025.

Inisiatif Baharu (16) – Pembangunan Masjid-masjid Baharu

68. Di kesempatan ini, saya ingin merakamkan ucapan penghargaan dan terima kasih kepada YAB Perdana Menteri Malaysia, yang telah meluluskan peruntukan sebanyak **42.78 juta ringgit** bagi membiayai pembinaan enam **(6) buah masjid baharu** di Negeri Sembilan pada tahun 2023 secara perkongsian kos. Sebagai usaha untuk meneruskan lagi syiar Islam di Negeri ini, Kerajaan Negeri memperuntukkan sebanyak **10.5 juta ringgit** pada tahun 2025 untuk **pembinaan masjid-masjid baharu** di beberapa kawasan strategik di Negeri ini.

69. Peruntukan ini akan digunakan untuk projek pembinaan **Masjid Terapung di Port Dickson**, **Masjid Diraja Tuanku Munawir** di Seri Menanti, **Masjid Tanah Melintang** di Kuala Pilah dan **Masjid Al-Isra** di Tampin. Kesemua masjid ini merupakan pusat ibadah yang penting, yang bukan sahaja memberi ruang untuk umat Islam menunaikan kewajipan agama, tetapi juga sebagai pusat dakwah, pendidikan dan perkhidmatan komuniti.

70. Bagi menjaga kepentingan hal ehwal agama bukan Islam, **Akaun Amanah Hal Ehwal Bukan Islam** telah ditubuhkan sejak tahun 2019 dengan geran permulaan sebanyak 1.50 juta ringgit. Geran ini digunakan untuk membantu membiayai pelbagai aktiviti pertubuhan-pertubuhan agama dan rumah ibadat bukan Islam. Kesefahaman dan toleransi yang tinggi dalam agama amat penting untuk mengekalkan kestabilan, keharmonian dan ketenteraman awam di Negeri ini. Untuk itu, inisiatif ini akan diteruskan lagi pada tahun 2025 dengan peruntukan sebanyak **2.0 juta ringgit**.

Yang Berhormat Dato' Yang DiPertua,

**BIDANG TUMPUAN 6:
PEMERKASAAN WANITA, BELIA DAN SUKAN**

71. Adat Perpatih di Negeri Sembilan sentiasa menjunjung tinggi kemuliaan dan peranan wanita dalam sistem masyarakat. Wanitalah yang akan menentukan rupa wajah dan tingkah laku generasi yang akan datang. Bak kata bidalan, **“Kalau keruh air di hulu, sampai ke muara keruh juga. Kalau kurik induknya, rintiklah anaknya”**.

72. Menyedari betapa pentingnya wanita dan belia sebagai tulang belakang Kerajaan, maka agenda pemerkasaannya akan diteruskan dalam Belanjawan 2025. Untuk itu, sebanyak **10.4 juta ringgit** akan diperuntukkan merangkumi **lima (5) inisiatif** iaitu **dua (2) inisiatif baharu dan tiga (3) inisiatif sedia ada** diteruskan.

73. Inisiatif-inisiatif yang diteruskan adalah **Geran Aktiviti JPKK** dan **Geran Belia dan Belianwas** sebanyak **2.2 juta ringgit**, **Pengurusan dan Pemerkasaan Belia dan Sukan** sebanyak **3.0 juta ringgit**, bantuan **Care For You (C4U) Ibu Tunggal Negeri Sembilan** iaitu pemberian bantuan tunai secara *one-off* kepada ibu-ibu tunggal akan diteruskan lagi pada tahun hadapan. Untuk itu, peruntukan berjumlah **1.2 juta ringgit** disediakan.

Inisiatif Baharu (17) – Kejohanan Sukan Negeri Sembilan (SUKNES) 2025

74. Bidalan Arab ada menyatakan, “**akal yang sihat adalah dari badan yang sihat**”. Pembudayaan gaya hidup sihat melalui sukan akan terus dipupuk dan digalakkan di peringkat akar umbi. Sukan juga menjadi wadah yang berkesan dalam penyatuan masyarakat yang menggalakkan perpaduan dan menjadi platform pencarian bakat-bakat baharu sukan. Mengambil semangat ini, Kerajaan Negeri buat julung kalinya telah menganjurkan Kejohanan Sukan Negeri Sembilan (SUKNES) Tahun 2024 yang melibatkan perlawanan sukan antara DUN. Kejohanan dan temasya sukan telah diadakan pada **16 hingga 18 Februari 2024** melibatkan **36 buah DUN** dengan penyertaan daripada **128 pasukan** merangkumi 4 acara sukan iaitu badminton, bola jaring, sepak takraw dan bola sepak. **DUN Ampangan** berjaya menjadi pemenang keseluruhan SUKNES. Tahniah diucapkan! Melihat kepada kejayaan SUKNES ini, sukacita diumumkan peruntukan sebanyak **1.0 juta ringgit** pada tahun 2025.

Inisiatif Baharu (18) – Program Pemerkasaan Infrastruktur Sukan Negeri Sembilan

75. Selain daripada itu, Kerajaan Negeri juga komited untuk memperbaiki kemudahan dan infrastruktur sukan di Negeri Sembilan. Pada tahun 2024 sebanyak **63 buah fasiliti sukan** telah dibaik pulih dan dinaik taraf di seluruh Negeri Sembilan dengan peruntukan sebanyak **500 ribu ringgit**. Inisiatif ini ternyata telah memberikan impak yang sangat positif kepada anak-anak muda untuk kembali bergiat aktif dalam pelbagai aktiviti sukan seperti futsal, bola tampar, badminton dan takraw. Dahulunya, fasiliti-fasiliti sukan ini telah terbiar lama dan tidak terurus.

76. Untuk itu, satu inisiatif baru akan dilaksanakan pada tahun hadapan iaitu **Program Pemerkasaan Infrastruktur Sukan Negeri Sembilan** dengan peruntukan sebanyak **3.0 juta ringgit** meliputi kerja-kerja menaik taraf bilik persalinan **Stadium Tuanku Abdul Rahman dan Center Court Paroi, Kompleks Sukan Mini Telok Kemang**, Port Dickson dan **kerja-kerja pembaikan kecil fasiliti sukan** di setiap DUN. Semoga usaha ini dapat meningkatkan kualiti hidup dan kesejahteraan rakyat Negeri Sembilan, sekaligus melahirkan komuniti yang lebih cergas, sihat, produktif dan berdaya saing. Adalah menjadi harapan saya, dengan tumpuan kepada pemerkasaan infrastruktur sukan di seluruh Negeri ini, akan berupaya melonjakkan bakat anak-anak dalam bidang sukan sekali gus meletakkan Negeri Sembilan di persada sukan antarabangsa sepertimana pencapaian hebat **Chen Tang Jie** dalam acara badminton Sukan Olimpik 2024, Paris; **Gan Chen Jie** dalam acara menembak dengan pencapaian tujuh (7) pingat emas SUKMA 2024, Sarawak; dan **Wong Weng Son** atlet wushu Negara dalam sukan wushu dari tahun 2010 hingga 2024.

**BIDANG TUMPUAN 7:
PELANCONGAN, ADAT DAN BUDAYA**

77. Bidang Tumpuan berikutnya adalah Pelancongan, Adat dan Budaya. Kerajaan Negeri sentiasa menjunjung tinggi sistem Adat Perpatih yang diamalkan di Negeri Sembilan yang tercinta ini dan akan tetap mempertahankan kedaulatannya seperti kata tromba, “**Adat bersendikan hukum, hukum bersendikan kitabullah, kuat hukum tak gaduh adat, kuat adat tak gaduh hukum, adat berkampung, kampung dipertahankan. Adat bersuku, suku dipertahankan**”. Untuk itu, Kerajaan Negeri akan mengekalkan **empat (4) inisiatif sedia ada** iaitu **Geran dan Aktiviti Pelancongan** dengan peruntukan sebanyak **3.0 juta ringgit**, **Pembangunan Produk Pelancongan** sebanyak **7.35 juta ringgit**, **Geran Aktiviti Adat** sebanyak **500 ribu ringgit** dan **Perpatih Fest** sebanyak **500 ribu ringgit**. Keseluruhan peruntukan di bawah bidang tumpuan Pelancongan, Adat dan Budaya adalah sebanyak **12.45 juta ringgit** bagi **enam (6) inisiatif** iaitu **dua (2) inisiatif baharu** dan **empat (4) inisiatif sedia ada** bagi tahun 2025.

Inisiatif Baharu (19) – Inisiatif TAC@N9

78. Selain sukan, Kerajaan Negeri juga memberikan perhatian kepada bidang seni dan kebudayaan dengan menyediakan peruntukan sebanyak **500 ribu ringgit** di bawah inisiatif baharu iaitu **TAC@N9**. Inisiatif ini adalah pemberian geran kepada para penggiat program dan aktiviti seni budaya bagi memastikan ekosistem kesenian dan kebudayaan di Negeri Sembilan terus kekal berdaya saing dan menjadi pemangkin industri pelancongan.

Inisiatif Baharu (20) – Promosi Pelancongan

79. Sebagai langkah persediaan **Tahun Melawat Negeri Sembilan 2026**, Kerajaan Negeri memperuntukkan sebanyak **0.6 juta ringgit** untuk aktiviti **Promosi Pelancongan** termasuk misi pameran, *business matching*, *Fam-Trip* dan aktiviti pengiklanan. Adalah diharapkan rangka kerja dan pelan promosi dapat dirancang dengan lebih baik pada tahun hadapan bagi memastikan liputan yang lebih meluas berkaitan produk-produk pelancongan yang terdapat di Negeri ini.

Yang Berhormat Dato' Yang DiPertua,

BIDANG TUMPUAN 8: KELESTARIAN ALAM SEKITAR

80. Kerajaan Negeri amat prihatin terhadap kepentingan kelestarian alam sekitar terutama bagi mengekalkan keindahan alam di Negeri tercinta ini. Untuk itu, Kerajaan Negeri memperuntukkan sebanyak **1.0 juta ringgit** bagi **dua (2) inisiatif baharu** dan **satu (1) inisiatif sedia ada** di bawah bidang tumpuan **Kelestarian Alam Sekitar**. Inisiatif **Pengurusan Sisa Pepejal Luar Bandar** dikekalkan dengan peruntukan sebanyak **500 ribu ringgit** bagi tahun 2025.

Inisiatif Baharu (21) – Penguatkuasaan Dalam Hutan Simpanan Kekal

81. Bagi meningkatkan kualiti perkhidmatan pemeliharaan hutan dan biodiversiti sedia ada, Kerajaan Negeri memperuntukkan sebanyak **140**

ribu ringgit bagi **Penguatkuasaan dalam Hutan Simpanan Kekal** pada tahun 2025. Kerajaan Negeri sama sekali tidak akan berkompromi dengan mana-mana pihak yang menceroboh hutan simpanan kekal yang ada di Negeri ini. Untuk rekod, jumlah keluasan hutan di seluruh Negeri Sembilan adalah seluas **155 ribu hektar** ataupun 23.3 peratus. Kita bersyukur kerana dikurniakan khazanah alam yang sangat berharga dengan hidupan flora dan fauna yang amat memukau.

Inisiatif Baharu (22) – Kempen Larangan Penggunaan Beg Plastik Sekali Guna

82. Dalam usaha mengurangkan penjanaan sisa plastik sekali guna dan menggalakkan aktiviti kitar semula dalam kalangan rakyat Negeri Sembilan, Kerajaan Negeri akan memperuntukkan sebanyak **360 ribu ringgit** untuk pelaksanaan **Kempen Larangan Penggunaan Beg Plastik Sekali Guna** di setiap Pihak Berkuasa Tempatan dengan pemberian bag barang runcit secara percuma.

BIDANG TUMPUAN 9: **KEBAJIKAN DAN KESIHATAN**

83. Pelaksanaan inisiatif-inisiatif di bawah bidang tumpuan ini adalah sebagai bukti keprihatinan Kerajaan dalam memberi perlindungan kepada golongan rentan (*vulnerable*) untuk mendapatkan kehidupan wajar dan lebih berkualiti. Sebanyak **1.34 juta ringgit** diperuntukkan dengan **empat (4) inisiatif** iaitu **satu (1) inisiatif baharu dan tiga (3) inisiatif sedia ada**. Inisiatif sedia ada yang dikekalkan adalah **Rumah Minda Ceria** dengan peruntukan sebanyak **120 ribu ringgit**, **Bantuan Perolehan Alat Implan Ortopedik** dengan peruntukan sebanyak **500**

ribu ringgit dan **Bantuan Rawatan Pembedahan AV Fistula** bagi rawatan hemodialisis sebanyak **500 ribu ringgit**.

Inisiatif Baharu (23) - Sentuhan Prihatin OKU Negeri Sembilan

84. Segala pujian kepada Allah swt yang telah menciptakan manusia dengan sebaik-baik ciptaan sebagaimana firman-Nya dalam **surah at-Tin ayat 4, mafhumnya “Sesungguhnya Kami telah menciptakan manusia dalam bentuk yang sebaik-baiknya”**. Setiap kejadian ciptaan Tuhan tetap sempurna walaupun mungkin ada yang dilahirkan dalam keadaan yang kurang sempurna berbanding insan lain. Namun, golongan istimewa ini mempunyai hak dan peluang yang sama untuk menjalani kehidupan yang normal bersama masyarakat. Untuk itu, sukacita saya umumkan peruntukan sebanyak **220 ribu ringgit** bagi membantu **44 buah Pusat Pemulihan Dalam Komuniti (PDK)** sebagai program sokongan kepada golongan Orang Kurang Upaya (OKU). Bantuan **one-off** sebanyak **5 ribu ringgit** kepada setiap PDK yang bakal memberi manfaat kepada **1,094** orang pelatih OKU di bawah Inisiatif **Sentuhan Prihatin OKU Negeri Sembilan** ini.

Yang Berhormat Dato' Yang DiPertua,

SKIM SEJAHTERA RAKYAT (SSR)

85. Kerajaan Perpaduan Negeri Sembilan tetap bertekad untuk melunaskan segala janji yang terkandung dalam buku Aspirasi Perpaduan. Bak kata bidalan;

*Pemimpin menjadi abdi rakyat
Hidupnya menyatu dengan masyarakat
Menjalankan tugas ianya taat
Bekerja rajin beramal kuat
Dengan orang tua-tua ianya dekat
Dengan yang muda-muda ia bersifat
Duduk tegaknya elok tabiat
Sebarang kerja dengan muafakat
Sebarang laku menuruti adat
Dijadikan pemimpin besar manfaat
Negeri sentosa sempurna umat
Orang suka jauh dan dekat
Rahmatnya ada dunia akhirat*

86. Selain daripada 66 inisiatif yang telah saya huraikan sebentar tadi, Kerajaan Negeri juga akan meneruskan pemberian insentif dan sumbangan tunai sebagai tanda ihsan kepada pelbagai kelompok masyarakat yang memerlukan. Ianya dirangkumkan di bawah Skim Sejahtera Rakyat (SSR) dengan peruntukan sebanyak **29.75 juta ringgit** pada tahun 2025.

“Tau nang kocik kek nang mudo, tau nang mudo kek nang tuo. Tau nang tuo kek nang dulu-dulu. Tau nang dulu-dulu kek nenek moyang”.

87. Warga emas terus dibantu melalui Sumbangan Keceriaan sebanyak **200 ringgit seorang** kepada warga emas yang berusia 70 tahun ke atas dengan anggaran peruntukan sebanyak **14.8 juta ringgit**. Kelahiran bayi disambut dengan penuh kesyukuran kerana mereka lahir

pembimbing masa hadapan dan bakal menjadi khalifah di muka bumi ini. Justeru, setiap bayi yang dilahirkan di Negeri ini layak memohon caruman 100 ringgit di bawah **Skim Simpanan Pendidikan Nasional** dengan peruntukan dianggarkan berjumlah **1.6 juta ringgit**.

88. Golongan belia juga tidak dilupakan di mana setiap mereka yang melangsungkan **perkahwinan kali pertama** layak menerima sebanyak **500 ringgit** sebagai saguhati. Justeru sebanyak **5.0 juta ringgit** disediakan bagi inisiatif ini. Tahniah diucapkan kepada anak-anak yang bakal mendapat tempat di **Sekolah Berasrama Penuh** pada tahun hadapan, justeru bagi meringankan beban ibu bapa, Kerajaan Negeri terus menyediakan peruntukan sebanyak **300 ringgit** kepada setiap pelajar terhad kepada 500 orang penerima. Inisiatif ini diperuntukkan sebanyak **150 ribu ringgit** pada tahun hadapan.

89. Di samping itu, anak-anak remaja yang berjaya melanjutkan pengajian ke peringkat pendidikan tinggi, Kerajaan Negeri juga turut meneruskan bantuan kemasukan ke institusi pengajian tinggi pada kadar di antara **500 ringgit hingga 1,000 ringgit** bergantung kepada tawaran yang diterima sama ada peringkat sijil, diploma atau ijazah pertama. Selain itu, bagi meraikan kejayaan anak-anak Negeri Sembilan yang cemerlang dalam pengajian dan sebagai motivasi, **Anugerah Khas sebanyak 5,000 ringgit** disediakan kepada para pelajar yang memperoleh keputusan **Ijazah Kelas Pertama** dari Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA). Untuk itu, peruntukan sebanyak **7.0 juta ringgit** disediakan melalui kolaboratif Kerajaan Negeri dan Yayasan Negeri Sembilan.

90. Tidak dilupakan adalah golongan **ibu tunggal** yang berpendapatan di bawah 2,000 ringgit sebulan yang akan menerima sumbangan *one-off* sebanyak **200 ringgit seorang** menerusi peruntukan berjumlah **1.2 juta ringgit**.

Yang Berhormat Dato' Yang DiPertua,

ANGGARAN BELANJA PEMBANGUNAN 2025

91. Anggaran Belanja Pembangunan 2025 adalah berjumlah **135.0 juta ringgit**. Sumber kewangan bagi Belanja Pembangunan ini adalah secara langsung daripada Kerajaan Negeri. Secara keseluruhannya, peruntukan ini akan diagihkan kepada enam (6) sektor bagi menggalakkan pembangunan sosio ekonomi di Negeri Sembilan seperti berikut:

- i. **Sosial** : RM59.25 juta (43.89%)
- ii. **Pentadbiran** : RM24.44 juta (18.10%)
- iii. **Infrastruktur** : RM22.16 juta (16.41%)
- iv. **Pertanian** : RM14.60 juta (10.81%)
- v. **Pelancongan** : RM8.35 juta (6.19%)
- vi. **Kerohanian** : RM6.20 juta (4.59%)

92. Melewati tahun terakhir pelaksanaan Rancangan Pembangunan Negeri Sembilan (RPNS) dan RMKe-12, Kerajaan Negeri komited untuk meneruskan pelaksanaan sebanyak **250 projek** bagi tahun 2025, yang terdiri daripada **207 projek baharu** dan **43 projek sambungan**.

93. Projek-projek ini dirancang dengan tujuan utama untuk merangsang pembangunan sosio-ekonomi, meningkatkan kualiti hidup dan mewujudkan kesejahteraan rakyat di seluruh Negeri ini. Peruntukan yang telah disediakan akan diagihkan kepada **14 Vot pembangunan Jabatan Negeri** mengikut keperluan dan prioriti sektor-sektor yang telah dikenal pasti.

Sektor Sosial

94. Sebagaimana lazimnya, Sektor Sosial kekal menjadi sektor utama dalam agihan peruntukan pembangunan sebanyak **59.25 juta ringgit**, yang akan digunakan untuk meningkatkan kesejahteraan rakyat dan membangunkan kemudahan awam di seluruh Negeri. Daripada jumlah tersebut, **45.0 juta ringgit** diperuntukkan untuk program **perkhidmatan masyarakat** yang akan memberi manfaat langsung kepada golongan yang memerlukan.

95. Peruntukan sebanyak **1.8 juta ringgit** untuk pembinaan dan pengubahsuaian **dewan serta balai raya**, sementara **2.0 juta ringgit** lagi diperuntukkan untuk program **pencahayaan jalan-jalan Negeri** bagi meningkatkan keselamatan dan keselesaan pengguna jalan raya. Kerajaan juga prihatin terhadap keperluan rakyat untuk memiliki tempat tinggal yang selesa. Untuk itu, sebanyak **3.1 juta ringgit** diperuntukkan untuk kerja-kerja penambahaikan dan penyelenggaraan infrastruktur **Rumah Awam Kerajaan Negeri** termasuk penyelenggaraan sistem pembentungan, keselamatan dan elektrik.

Sektor Pentadbiran

96. Dalam menghadapi cabaran perkembangan ekonomi semasa, terutamanya yang melibatkan automasi, digitalisasi dan Industri 4.0, Kerajaan Negeri sentiasa berusaha untuk bersedia dan beradaptasi dengan perubahan teknologi serta budaya kerja baharu. Sebagai sebahagian daripada usaha ini, Kerajaan Negeri telah menyediakan peruntukan sebanyak **9.64 juta ringgit** bagi pembangunan dan penambahbaikan **sistem komputer Negeri**. Ini termasuklah penyediaan jaringan internet yang lebih meluas dengan kebolehcapaian yang tinggi.

97. Selaras dengan Pelan Ekonomi Digital Negeri Sembilan 2027 (PEDNS) Kerajaan Negeri telah melancarkan sistem **Gerbang Pembayaran Kerajaan Negeri, Negeri Sembilan (N9PAY)** pada 28 Julai 2024 yang lalu. Sistem ini akan membolehkan rakyat membuat pembayaran melalui FPX dan akan terus ditambah baik dengan pelbagai saluran lain seperti *DuitNow Online Banking* (DOBW), kad kredit serta kad debit, aplikasi mudah alih dan eWallet.

98. Kerajaan Negeri juga telah memperuntukkan sebanyak **14.3 juta ringgit** bagi kerja-kerja pembinaan, pengubahsuaian dan menaik taraf **kompleks pentadbiran** serta kuarters kediaman anggota kerja Kerajaan di seluruh Negeri. Ini adalah usaha kita untuk memastikan bahawa perkhidmatan awam dapat berfungsi dengan lancar dan memberikan perkhidmatan yang terbaik kepada rakyat. Bagi menghadapi risiko bencana yang mungkin berlaku, Kerajaan Negeri juga telah menetapkan peruntukan **Luar Jangka** sebanyak **500 ribu ringgit** pada tahun 2025.

Sektor Infrastruktur

99. Infrastruktur dan kemudahan awam adalah asas penting dalam memastikan kejayaan setiap program pembangunan yang dilaksanakan. Bagi tahun 2025, Kerajaan Negeri telah memperuntukkan sebanyak **22.16 juta ringgit** untuk sektor pembangunan Infrastruktur, yang merangkumi pelbagai inisiatif bagi memperkuuh kemudahan dan aksesibiliti di seluruh Negeri. Sebanyak **9.0 juta ringgit** akan digunakan untuk meningkatkan tahap keselamatan jalan raya, membina jajaran jalan baharu di luar bandar serta menggantikan jambatan yang terjejas.

100. Kerajaan Negeri turut memberikan tumpuan kepada masalah banjir kilat yang kerap kali berlaku dalam ketidaktentuan cuaca semasa. Untuk itu, Kerajaan memperuntukkan sejumlah **10.65 juta ringgit** untuk melaksanakan projek **Rancangan Tebatan Banjir, Pengurusan dan Penyelenggaraan Sungai** serta **Pengurusan Saliran di Zon Pantai** di beberapa lokasi yang telah dikenal pasti.

101. Bagi menggalakkan lagi pembangunan Industri Kecil dan Sederhana (IKS) sebanyak **1.0 juta ringgit** diperuntukkan bagi kerja-kerja menaik taraf dan **menyelenggara kawasan perusahaan** di Seremban, Port Dickson, Jelebu dan Tampin. Kerajaan juga memperuntukkan sebanyak **510 ribu ringgit** untuk projek-projek kecil melibatkan kerja-kerja menaik taraf kemudahan sukan, prasarana awam dan dataran usahawan yang memberikan impak langsung kepada komuniti.

Sektor Pertanian

102. Sektor pembangunan Pertanian terus menjadi fokus utama dalam belanjawan tahun hadapan, kerana kita berhasrat menjadikan Negeri Sembilan sebagai salah satu pengeluar makanan utama dan pusat industri hiliran. Ini adalah langkah penting dalam mengurangkan defisitimbangan perdagangan bahan makanan Negara, sekaligus memastikan kestabilan bekalan makanan untuk rakyat. Untuk itu, Kerajaan Negeri akan memperuntukkan sebanyak **14.6 juta ringgit** untuk sektor Pertanian dan Penternakan. Daripada jumlah tersebut, sebanyak **11.0 juta ringgit** akan disalurkan untuk program jaminan bekalan makanan, yang meliputi peningkatan hasil sayuran dan buah-buahan, penyediaan input pertanian, mekanisasi, automasi pertanian, serta pengembangan teknologi pertanian melalui *Internet of Things* (IOT).

103. Selain itu, sebanyak **3.6 juta ringgit** akan diperuntukkan untuk pembangunan Sektor Penternakan, dengan tumpuan khusus diberikan kepada komoditi ruminan besar dan kecil, perkhidmatan kesihatan veterinar, serta projek-projek lain yang berkaitan dengan pembangunan penternakan.

Sektor Pelancongan

104. Sektor pembangunan Pelancongan merupakan salah satu penyumbang utama kepada pertumbuhan ekonomi Negeri. Pada tahun hadapan, sebanyak **8.35 juta ringgit** diperuntukkan untuk sektor Pelancongan, dengan **5.23 juta ringgit** daripadanya disalurkan untuk kerja-kerja penyelenggaraan fasiliti dan kemudahan pelancongan,

restorasi dan menaik taraf bangunan serta rumah warisan di Negeri Sembilan.

105. Antara projek utama yang akan diberi tumpuan adalah kerja-kerja menaik taraf infrastruktur kemudahan awam di Taman Eko-Rimba Batu Maloi, Taman Eko-Rimba Serting Ulu, Taman Eko-Rimba Jeram Tengkek, serta Taman Eko-Rimba Lenggeng. Selain itu, sebanyak **1.27 juta ringgit** diperuntukkan bagi penyelenggaraan produk pelancongan bersejarah seperti Muzium Diraja Istana Lama Seri Menanti, Kompleks Sejarah Pengkalan Kempas dan Kota Lukut di Port Dickson.

Sektor Kerohanian

106. Pada tahun 2025, sebanyak **6.2 juta ringgit** akan diperuntukkan untuk komitmen dua (2) projek sambungan, iaitu pembinaan masjid di Taman Warisan Puteri dan Bandar Tasik Senangin, serta pembinaan Pejabat Agama Islam Daerah (PAID) Port Dickson. Kerajaan akan meneruskan lagi projek pembangunan dan penambahbaikan infrastruktur Sekolah Tinggi Agama Malaysia (STAM) Maahad Ahmadi di Gemencheh dengan peruntukan tambahan sebanyak **1.5 juta ringgit**. Untuk rekod, sejak tahun 2019 hingga 2024, sebanyak **14.9 juta ringgit** telah diperuntukkan untuk pelbagai program pembangunan infrastruktur STAM Maahad Ahmadi melibatkan pembinaan blok asrama dua (2) tingkat lelaki dan perempuan, dewan makan, blok surau dan lain-lain.

Yang Berhormat Dato' Yang DiPertua,

PENJAWAT AWAM

107. Penjawat awam ibarat bidalan “**rimbun daun tempat bertenang, rimbun pokok tempat bernaung, besar banir tempat berlindung, besar batang tempat bersandar, lebar daun buat membungkus, tingginya pohon jadi pedoman**”. Sejak tahun 2019, Kerajaan Negeri telah memperkenalkan Skim Pinjaman Kenderaan Tanpa Faedah dan Skim Pinjaman Komputer Tanpa Faedah. Sehingga **November 2024** seramai **758 orang penjawat awam** telah diberikan kelulusan pinjaman kenderaan dan komputer tanpa faedah dengan jumlah kelulusan sebanyak **16.57 juta ringgit**. Atas rasa kasih sayang dan prihatin kepada pengorbanan penjawat awam, Kerajaan Negeri bersetuju untuk memperuntukkan sebanyak **1.0 juta ringgit** bagi **Skim Pinjaman Kenderaan Tanpa Faedah** dan **50 ribu ringgit** bagi **Pinjaman Komputer Tanpa Faedah** pada tahun 2025.

D. PENUTUP

108. Dalam ruang masa yang ada ini, saya yakin masih banyak langkah penambahbaikan yang boleh kita lakukan supaya Perkhidmatan Awam Negeri sentiasa dipandang tinggi oleh orang ramai yang datang berurus. Penjawat awam hendaklah meletakkan rasa empati yang tinggi dalam melaksanakan tugas sehari-hari. Letaklah diri kita dalam situasi pelanggan, hormati, layani dan santunilah mereka dengan penuh ikhlas, adil dan saksama mengikut lunas-lunas peraturan yang ditetapkan.

Hati bersih fikiran jernih

Bergaul tidak memilih kasih

Memegang yang hak pantang beralih

Melaksanakan tugas berpenat letih

Jadikanlah *tagline* **Bersih, Muafakat** dan **Sejahtera** sebagai pedoman dan panduan semasa menjalankan tugas.

109. Secara keseluruhannya, saya amat berpuas hati dengan prestasi yang ditunjukkan oleh penjawat awam di Negeri ini. Pengiktirafan demi pengiktirafan yang diterima di peringkat nasional, membuktikan tadbir urus dan tatakelola perkhidmatan awam di Negeri ini berada pada tanda aras yang tinggi dan sering dijadikan contoh oleh negeri-negeri lain.

110. Kejayaan kita dapat mengubah daripada **belanjawan defisit kepada surplus** untuk dua (2) tahun berturut-turut, menjadi bukti kukuh bahawa tidak ada yang mustahil untuk dicapai sekiranya disokong dengan iltizam dan tekad yang jitu oleh semua penjawat awam. Keberanian mengubah paradigma dan mencabar *status quo* kepada satu transformasi yang lebih pragmatik, membolehkan kutipan hasil yang tinggi sebanyak 541.0 juta ringgit pada tahun 2023. Sekali gus mengubah belanjawan daripada satu jurang defisit yang besar iaitu 108.0 juta kepada surplus 4.9 juta.

111. Kejayaan ini turut mendapat pengiktirafan daripada Ketua Audit Negara sebagaimana di **Para 4.5.4.2 Laporan Ketua Audit Negara (LKAN) 2023** yang memuji langkah Kerajaan Negeri melaksanakan transformasi dalam proses kelulusan Kebenaran Merancang dan pengubahsuaian zoning dalam masa yang singkat.

112. Saya juga merakamkan ucapan penghargaan dan terima kasih kepada semua Pejabat Pemungut Hasil yang telah melaksanakan tugas dengan penuh integriti, dedikasi dan cemerlang sehingga membolehkan kedudukan rizab Kerajaan Negeri berada pada satu kedudukan yang kukuh iaitu **726 juta ringgit** sehingga tarikh **21 November 2024**. Kutipan hasil sehingga tarikh yang sama juga telah mencapai **505 juta ringgit ataupun 97 peratus**. Berdasarkan unjuran semasa, kita amat optimis, kutipan hasil Negeri akan berjaya mengatasi kutipan hasil tahun 2023, malah berkemungkinan mencipta rekod kutipan hasil tertinggi dalam sejarah Pentadbiran Negeri Sembilan, Insya Allah.

113. Sudah menjadi adat orang Melayu, “**Kok singkat ulas mengulas, kok kurang tambah menambah, kok sempit lapang melapangi, kok dalam air sama-samo kita berenang, kok cetek air samo-samo kito bercebok**”.

114. Menghargai dan menginsafi pengorbanan dan kesungguhan penjawat awam dalam memberikan perkhidmatan terbaik kepada rakyat, sukacita saya umumkan **Bantuan Khas Kewangan (BKK)** sebanyak **dua (2) bulan** gaji kepada semua penjawat awam yang berada di bawah Pentadbiran Kerajaan Negeri. Penghargaan ini akan dipanjangkan kepada semua penjawat awam Negeri, Badan Berkanun Negeri dan Pihak Berkuasa Tempatan seramai **6,613 orang** semuanya yang akan dibayar pada bulan **Januari** dan sebelum **Aidilfitri pada bulan Mac** tahun 2025.

Yang Berhormat Dato' Yang DiPertua, saya mencadangkan “bahawa Rang Undang-Undang Perbekalan 2025 ini sekarang dibacakan bagi kali kedua”.

Sekian, terima kasih.